



29 Disember 2017
29 December 2017
P.U. (A) 448

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA SEKURITI
MALAYSIA (LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT) (FI) 2017

*SECURITIES COMMISSION MALAYSIA (AUDIT OVERSIGHT
BOARD) (FEES) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 1993

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA
(LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT) (FI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 159 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Lembaga Pemantauan Audit) (Fi) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2018.

Fi

2. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

Pembatalan

3. Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Lembaga Pemantauan Audit) (Fi) (No. 2) 2010 [*P.U. (A) 336/2010*] dibatalkan.

JADUAL
[Peraturan 2]

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi
1.	Permohonan bagi pendaftaran juruaudit perseorangan sebagai juruaudit berdaftar di bawah seksyen 310 Akta	RM8,000.00 setiap permohonan
2.	Permohonan bagi pengiktirafan juruaudit perseorangan asing sebagai juruaudit yang diiktiraf di bawah seksyen 310 Akta	RM8,000.00 setiap permohonan